

# JENAYAH DAN PERBANDARAN: SATU KAJIAN DI DAERAH TIMUR LAUT PULAU PINANG\*

Oleh

Nor-Ina Kanyo  
Norizan Hj Md Nor

## Abstrak

*Pelakuan jenayah di kebanyakan bandar-bandar di dunia mengalami peningkatan selari dengan kepesatan pertumbuhan bandar dan memberi kesan negatif kepada kualiti hidup penduduk bandar. Banyak faktor menyumbang kepada berlakunya perkara ini. Masalah ini semakin menjadi rumit dengan meningkatnya golongan penagih dadah, kurangnya kesedaran masyarakat mengenai jenayah, masalah kemiskinan penduduk dan kurang berkesannya langkah penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Kertas kerja ini akan membincangkan isu jenayah dan perbandaran secara terperinci dalam konteks trend dan persepsi penduduk bandar ke atas pelakuan jenayah dan kaitannya dengan kepesatan perbandaran. Bagi memudahkan perbincangan, satu kajian kes di Daerah Timur Laut, negeri Pulau pinang akan diketengahkan. Seperkara yang perlu diberi perhatian dari kajian ini ialah kepentingan pengenalpastian punca pelakuan jenayah sebagai usaha ke arah pengurusan masalah jenayah yang lebih berkesan dan proaktif.*

## Pengenalan

Seluruh dunia sedang mengalami suatu perubahan global yang dikenali sebagai 'urbanisasi' atau perbandaran. Ambe (2003), fenomena ini semakin pesat berlaku khususnya di rantau Asia. Menurut laporan United Nations (1996), negara membangun akan menjadi kawasan tumpuan pembangunan dan penduduk menjelang tahun 2015 (Alain, 1999: 24).

---

\* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Geografi 2007 " Dunia Tanpa Sempadan ", anjuran Jabatan Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 10-11 September 2007.

Menurut Davis (1969), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggunakan indikator peningkatan penumpuan penduduk di kawasan bandar sebagai kayu ukur kepada kepesatan urbanisasi (Pacione, 2001:78). Perbandaran seringkali dianggap sebagai petunjuk modenisasi, peningkatan taraf hidup serta kemajuan sama ada di negara membangun atau negara maju, kerana perbandaran merupakan prasyarat untuk pemodenan dan perkembangan (Clark, 1982: 44). Oleh itu, perbandaran merupakan satu elemen penting terhadap kemajuan sesebuah negara. Dalam kepesatan perbandaran, pelbagai perubahan akan berlaku iaitu meliputi aspek seperti ekonomi, demografi, politik, budaya, teknologi, sosial dan faktor persekitaran semulajadi yang mana perubahan-perubahan ini merupakan petunjuk kepada kepesatan perbandaran. Namun demikian, seiring dengan kepesatan, perkembangan, kemajuan serta pembangunan infrastruktur, manusia boleh mencetuskan pelbagai fenomena sosial seperti penagihan dadah, pelacuran dan sebagainya yang merangsang kepada berlakunya pelakuan jenayah. Masalah jenayah merupakan di antara kesan negatif yang agak ketara sejak kebelakangan ini. Fenomena peningkatan kadar jenayah lazimnya mempunyai perkaitan dengan kepesatan perbandaran. Knox (1994), menjelaskan bahawa setiap perubahan yang berlaku dalam bandar adalah saling berhubungkait kesan daripada proses perbandaran. Justeru itu, kertas kerja ini cuba menjelaskan sejauhmana peningkatan pelakuan jenayah mempunyai hubungkait dengan kadar perbandaran dalam konteks kawasan kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Selain itu, senario masalah jenayah dan perbandaran negara, kajian awal hubungkait jenayah dan perbandaran serta trend jenayah Daerah Timur Laut juga dijelaskan dalam artikel ini.

### **Senario Jenayah dan Perbandaran di Malaysia**

Malaysia juga tidak ketinggalan daripada mengalami arus pembangunan seperti negara-negara lain. Pertumbuhan ekonomi yang pesat di Malaysia sejak dekad 1950-an telah membolehkan negara mengorak langkah lebih jauh ke hadapan dari segi pembangunan setanding dengan negara lain di dunia. Corak pembangunan di negara ini adalah unik dibandingkan dengan negara-negara lain. Ini kerana Malaysia tidak menghadapi masalah tekanan penduduk, bencana alam dan kesan peperangan (Maimunah,1992:11-12). Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat membolehkan negara mengalami proses pertumbuhan bandar yang pesat. Kepesatan perbandaran dapat dibuktikan melalui perbandingan penduduk yang tinggal di bandar dan luar bandar. Merujuk kepada trend

perbandaran negara bagi tempoh 1970-2000, adalah jelas bahawa terdapat peningkatan dari segi peratus bilangan penduduk yang tinggal di bandar berbanding luar bandar, iaitu peratus penduduk di bandar telah meningkat daripada 26.8 peratus pada tahun 1970 kepada 34.2 peratus pada tahun 1980 dan 50 peratus pada tahun 1990. Pada tahun 2020 peratusan penduduk bandar dijangkakan akan mencecah 73 peratus. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000b). Selain itu, kepesatan perbandaran bukan sekadar menunjukkan kepada peningkatan penduduk di bandar, mewujudkan bandar-bandar yang dinamik, tetapi juga menimbulkan permasalahan perbandaran atau '*urban problems*' yang menjejaskan kesejahteraan penduduk bandar jika ianya tidak dirancang dengan sempurna (Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 1998:2). Azmi (1998) pula berpendapat bahawa, walaupun peningkatan penduduk di kawasan bandar membuktikan tercapainya perbandaran, namun ia akan menimbulkan masalah ke atas bandar berkenaan untuk menampung keperluan penduduk dari segi penyediaan prasarana, kemudahan awam dan sebagainya. Hal ini telah mengakibatkan penduduk terpaksa hidup dalam suatu persekitaran yang tidak sihat sehingga menimbulkan masalah yang kemungkinan membawa kepada peningkatan berlakunya pelakuan jenayah di bandar (Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 1998: 105; Pokhariyal dan Muthuri, 2003).

Merujuk kepada laporan perbandingan pelakuan jenayah antara negara-negara terpilih, iaitu perkiraan ke atas setiap 100,000 orang penduduk, didapati kes jenayah di negara ini masih pada tahap yang terkawal (Utusan Malaysia, 19 Januari 2001). Namun demikian, merujuk kepada statistik trend jenayah negara, didapati indeks jenayah negara menunjukkan peningkatan setiap tahun (Mohd Reduan, 1990; Berita Harian, 10 November 1989; Utusan Malaysia, 25 Mac 1995 dan 19 Januari 2001; Mingguan Malaysia, 5 Mei 2002). Indeks jenayah negara meningkat daripada 70 823 kes pada tahun 1980 meningkat kepada 156 455 kes pada 2004 dengan peningkatan sebanyak 85 632 kes atau 120.9 peratus bagi tempoh 24 tahun. Jenayah harta benda merupakan antara jenayah yang lebih kerap berlaku berbanding dengan jenayah kekerasan walaupun jenayah kekerasan lebih mendapat liputan meluas oleh pihak media massa (Berita Harian, 13 Januari 2004). Senario kes jenayah yang berlaku di peringkat negara turut dialami di negeri Pulau Pinang. Menurut Ketua Polis Negeri, kejadian jenayah di negeri Pulau Pinang dilaporkan berlaku pada setiap 47.4 minit sepanjang tahun 2000 dengan kes jenayah harta benda mencatatkan kekerapan yang tertinggi. Kes jenayah harta benda di negeri ini dilaporkan berlaku pada setiap 52.6 minit dan jenayah kekerasan pula berlaku pada setiap 8 jam. Kes

curi kenderaan dilaporkan berlaku setiap hari, sebuah motosikal dilaporkan dicuri pada setiap 3 jam, dan satu kes samun berlaku pada setiap 11 jam (Utusan Malaysia, 5 Januari 2001). Perbandingan kes jenayah di antara negeri di seluruh negara bagi tempoh 2002 dan 2003, negeri Pulau Pinang menduduki tempat keempat pada tahun tersebut (PDRM, negeri Pulau Pinang, 2004a). Jika masalah jenayah dikaitkan dengan kadar perbandaran sebagai suatu perbandingan, didapati wujud perkaitan yang ketara dari segi trend kerana negeri Pulau Pinang merupakan negeri ketiga mengalami kepesatan perbandaran di Malaysia iaitu sebanyak 79.5 peratus selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor (Malaysia, 1999a:154). Negeri Pulau Pinang juga adalah di antara lapan buah negeri yang mencatatkan kadar perbandaran melebihi 50 peratus selain Kuala Lumpur, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2002a:110). Selain itu, dengan mengambilkira keseluruhan negeri di Malaysia, didapati negeri Pulau Pinang adalah di antara negeri yang mencatatkan kes jenayah yang tinggi.

Penelitian ke atas kajian-kajian awal, terdapat hubungkait antara pelakuan jenayah dan perbandaran dan kebanyakan pengkaji sebelum ini membuat rumusan bahawa (i) jenayah banyak berlaku di bandar dan kawasan melarat kesan daripada kepesatan perbandaran sementara kawasan sekitar bandar mencatatkan kadar pelakuan jenayah yang rendah (ii) jenayah yang berlaku adalah konsisten dengan saiz bandar dan (iii) tekanan kemiskinan mempunyai hubungkait dengan pelakuan jenayah. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian sebelum ini, suatu andaian dapat dilakukan bahawa 'kepesatan perbandaran mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah'. Namun demikian, persoalan yang timbul ialah apakah jenis jenayah harta benda yang menyumbang kepada peningkatan kes jenayah di negeri Pulau Pinang?, mengapa kawasan di sekitar bandar mencatatkan kes jenayah yang tinggi?, apakah faktor penentu yang mendorong kepada peningkatan pelakuan jenayah di bandar?, sejauhmanakah pelakuan jenayah yang berlaku mempunyai perkaitan dengan kepesatan urbanisasi dalam konteks kawasan kajian ini kelak?, adakah fenomena yang berlaku di negara lain mempunyai persamaan dengan dengan negara ini khususnya di kawasan kajian?. Bagi menjawab kepada persoalan ini, kajian dilakukan untuk melihat kebenaran fenomena tersebut.

## **Pelakuan Jenayah dan Perbandaran**

Kajian pelakuan jenayah dan kaitannya dengan perbandaran telah bermula sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Namun demikian, kebanyakan penyelidik pada peringkat awal kurang meneliti perkaitan di antara pelakuan jenayah dengan perbandaran. Hal ini kerana, kebanyakan daripada pengkaji awal lebih banyak melihat proses perbandaran sebagai peningkatan jumlah penduduk bandar berbanding luar bandar (Knox, 1994:8; Pacione, 2001:78 dan 1983:76). Kajian ke atas konstitusi masalah sosial seperti jenayah di bandar hanya mendapat perhatian di kalangan ahli geografi bandar secara ketara dan menonjol pada tahun 1980-an. Pelakuan jenayah merupakan kesan yang ketara berkembang seiring dengan perkembangan bandar. Menurut Mays (1968), masalah jenayah merupakan ciri-ciri kehidupan bandar pada masa kini. McIlwaine (1999) pula berpendapat, kadar jenayah meningkat seiring dengan peningkatan pembangunan akibat proses perbandaran dan perindustrian. Pacione (2001:3), kepesatan urbanisasi dan perindustrian telah membawa perubahan dari segi struktur populasi dan gaya hidup. Selain itu, adalah mustahil untuk membicarakan persekitaran bandar tanpa dikaitkan dengan jenayah kerana umumnya menganggap tinggal di bandar bermakna terpaksa menghadapi jenayah (Pallen, 2002:144). Peningkatan masalah jenayah mempunyai perkaitan dengan kepesatan perbandaran (McIlwaine,1999; Walmsley,1988:139-140; Gold, 2002: 263-270). Pokhariyal dan Muthuri (2003:55), peningkatan masalah jenayah di setiap negara di dunia adalah hasil daripada kepesatan perbandaran. Peningkatan kadar jenayah merupakan salah satu indikator yang digunakan untuk mengetahui tahap kemajuan ataupun pemodenan sesebuah negara (Rogers, 1989:315).

Shaw (1929), merupakan di antara tokoh yang pertama melaporkan bahawa kadar kesalahan adalah berkurangan daripada kawasan pusat perniagaan dan pusat bandar ke kawasan lain di bandar. Beliau boleh dianggap sebagai penyelidik perintis yang menyediakan asas kepada kajian jenayah di pusat bandar. Namun demikian, beliau membataskan kajiannya di bandar Chicago sahaja. Kajian Shaw adalah berdasarkan 60 000 pesalah dengan melibatkan 50 peta. Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk kesalahan di Chicago secara jelas berbeza mengikut ruang geografi dan terdapat kaitan antara kadar jenayah dengan jarak dari pusat bandar (Harries, 1974). Walaupun Shaw boleh dianggap sebagai pengkaji perintis dalam pengkajian jenayah di pusat bandar, namun kajian beliau masih mendapat kritikan. Alihan (1938), iaitu pengkritik utama ekologi

sosial tidak bersetuju terhadap Shaw kerana beliau tidak membuktikan kadar kesalahan mewakili adaptasi ekologi ke atas kawasan yang berbeza dan hanya menjelaskan kesalahan dalam bentuk faktor sosial, budaya dan ekonomi dengan menggunakan model zon konsentrik atau zon berpusat yang diperkenalkan oleh Burgess pada tahun 1925 (Herbert, 1982:37). E.W Burgess adalah di antara ahli geografi yang mengemukakan teori dan model yang menerangkan struktur gunatanah bandar. Beliau telah memetakan gunatanah bandar Chicago secara berpusat atau konsentrik yang dibahagikan kepada 5 zon iaitu zon perniagaan pusat atau *Central Business District* (CBD), zon peralihan, zon pekerjaan, zon kediaman dan zon ulang-alik atau zon komuter (Kamaruddin, 1993).

Shaw kemudiannya menjalankan kajian bersama Mckay dengan lebih sistematik (1942). Mereka mendapati jenayah adalah cenderung bertumpu di sekitar pusat bandar iaitu di sekitar kawasan pusat perniagaan dan semakin berkurangan ke kawasan pinggirnya. Kajian ini adalah kajian terbaik yang mengandungi data kesalahan bandar Chicago yang dipetik daripada kajian jenayah Illinois yang dapat menunjukkan beberapa set teknik yang boleh digunakan ke atas kajian bandar-bandar lain di Amerika. Shaw dan Mckay (1968), menjelaskan bandar mempunyai bulatan sepusat yang bermula daripada kawasan perniagaan pusat dalam bandar. Melalui pembahagian zon bandar yang diasaskan oleh Burgess, mereka mendapati bahawa masalah sosial lebih banyak berlaku di zon pusat dan zon kedua dan semakin berkurangan mengikut zon selanjutnya. Ini menjelaskan semakin jauh seseorang dari pusat bandar, semakin kurang masalah sosial yang dihadapi (Walmsley dan Lewis, 1993:53-54; Veysey dan Messner, 1999; Siegel, 2002:125). Shaw dan Mckay (1969), kajian perbandingan ke atas 21 buah bandar di United States, didapati terdapat persamaan segi pelaksanaan jenayah di bandar ke atas setiap bandar di kawasan kajian iaitu jenayah berlaku pada kadar yang tinggi di pusat bandar dan kawasan 'melarat' (Harries, 1974). Kajian yang dilakukan oleh Lander (1954) di Baltimore dan Schmid (1960) di Seattle mereka mempunyai keputusan yang sama dengan kajian Shaw dan Mckay. Schmid (1960), kajiannya di Seattle mendapati dengan jelas bahawa terdapat hubungan di antara kadar jenayah dengan jarak daripada pusat bandar dengan menggunakan peta *Isopleth* untuk membincangkan beberapa jenis jenayah. Kajian oleh Harries (1974: 9), di bandar besar di Amerika dari segi ruangan, beliau mendapati kadar jenayah adalah tinggi di kawasan bandar, manakala di kawasan sekitarnya adalah rendah (Herbert, 1982:34-35).

Horton dan Leslie (1974:126) dalam menyatakan bahawa pelakuan jenayah adalah jelas lebih tinggi di kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar Gold (2002). Kajian oleh Jones (1934), Castle dan Gittus (1957) ke atas Liverpool, mendapati jenayah di kawasan 'kawasan pusat' mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Wallis and Maliphant (1967), juga mendapati keputusan yang sama dalam kajian mereka ke atas London. Pyle *et al* (1974), dengan menggunakan teknik analisis kartografi untuk analisis distribusi jenayah di Akron, Ohio lazimnya jenayah keganasan banyak berlaku di pusat bandar tetapi jenayah harta benda adalah secara merata atau berselerak. Timms (1965), mendapati kawasan pusat adalah tumpuan penjenayah di Luton, manakala di kawasan pinggir juga didapati pada kadar yang tinggi. Keputusan yang sama juga didapati oleh Baldwin dan Bottoms (1976), yang mana kajian mereka mendapati bandar besar adalah tumpuan penjenayah (Herbert, 1982). Pelakuan jenayah dalam kajian bidang geografi juga dilihat dari segi saiz perkembangan sesebuah bandar. Ley (1983), menunjukkan terdapat hubungkait di antara saiz bandar dengan pelakuan jenayah. Menurutnya, metropolitan dengan populasi yang melebihi 250 000 orang mempunyai 3 kali kadar pembunuhan, 5 kali kadar jenayah harta benda, 10 kali kadar jenayah kekerasan dan hampir 50 kali kadar rompakan. Oleh hal yang demikian, mereka merumuskan bahawa kadar jenayah adalah konsisten dengan saiz bandar (Walmsley, 1988:140).

### **Trend Jenayah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang**

Kajian ke atas trend perbandingan indeks jenayah antara daerah di negeri Pulau Pinang, daripada sejumlah 128, 802 jumlah indeks jenayah negeri Pulau Pinang yang dicatatkan bagi tempoh 1990-2003, Daerah Timur Laut mencatatkan kes jenayah tertinggi berbanding daerah lain iaitu sebanyak 51.3 peratus atau 66, 016 kes jenayah. Bagi tempoh yang sama, daripada 66,016 jumlah indeks yang dicatatkan di Daerah Timur Laut, sebahagian besar jenayah yang berlaku adalah melibatkan jenayah harta benda iaitu meliputi 88.4 peratus berbanding jenayah kekerasan hanya 11.6 peratus bagi tempoh 14 tahun. Penelitian ke atas trend jenayah, didapati terdapat persamaan dari segi trend peningkatan dan penurunan dalam kadar indeks jenayah dan jenayah harta benda. Berdasarkan kajian, didapati bahawa trend jenayah Daerah Timur Laut menunjukkan perubahan bagi empat tempoh masa iaitu (i) 1990-1992 (ii) 1993-1996 (iii) 1997-1998, dan (iv) 1999-2003. Setiap tempoh masa tersebut menunjukkan trend jenayah yang

berbeza iaitu tempoh masa (i) 1990-1992 dan 1997-1998 menunjukkan trend peningkatan dan (ii) 1993-1996 dan 1999-2003 menunjukkan pengurangan dari segi trend jenayah.

Pada tahun 1990, sejumlah 4882 kes indeks jenayah dicatatkan di Daerah Timur Laut dan menunjukkan penurunan sebanyak 863 kes menjadi 4019 kes atau 17.6 Peratus pada tahun 1991. Namun demikian, indeks jenayah mencatatkan peningkatan yang mendadak sebanyak 1620 kes atau 40.3 peratus menjadi 5639 kes pada tahun 1992 berbanding 4019 kes pada tahun sebelumnya. Trend indeks jenayah Daerah Timur Laut sekali lagi mencatatkan peningkatan ketara bagi tempoh 1996 hingga 1998 iaitu daripada 3377 kes pada tahun 1996 kepada 4759 kes pada 1997 dengan kadar peningkatan sebanyak 1382 kes atau 40.9 peratus dan indeks jenayah terus menunjukkan peningkatan sebanyak 670 kes atau 14.1 peratus pada tahun 1998. Trend indeks jenayah mengalami peningkatan secara konsisten selepas tahun 1998 sehingga 2003 dengan jumlah kes dalam lingkungan 5000 kes setahun.

Sebagaimana trend indeks jenayah, jenayah harta benda juga menunjukkan keadaan yang sama. Sejumlah 4098 kes dicatatkan pada tahun 1990 telah berkurangan sebanyak 641 kes atau 15.6 peratus menjadi 3457 kes pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, jenayah harta benda menunjukkan peningkatan sebanyak 432 kes menjadi 4889 kes pada tahun 1992 dengan peningkatan kes sebanyak 41.4 peratus. Bilangan kes jenayah harta benda meningkat kepada 4202 kes pada 1997 dengan peningkatan sebanyak 1331 kes atau 46.3 peratus berbanding hanya 2871 kes pada tahun 1996. Pada tahun 1998, sebanyak 4935 kes jenayah harta benda dicatatkan iaitu meningkat sebanyak 733 kes atau 17.4 peratus. Pada tahun 1993, trend indeks jenayah menunjukkan penurunan iaitu dari sejumlah 4527 kes kepada 3377 kes pada tahun 1996 dengan kadar penurunan sebanyak 1150 kes atau 25.4 peratus dalam tempoh empat tahun. Hal yang sama juga berlaku bagi jenayah harta benda iaitu mencatatkan penurunan daripada 3891 kes pada tahun 1993 kepada 2871 kes pada tahun 1996 dengan pengurangan kes sebanyak 1020 kes atau 26.2 peratus. Kes jenayah harta benda berkurangan secara keseluruhannya selepas tahun 1999 sehingga tahun 2003. Berdasarkan penelitian ke atas trend jenayah di Daerah Timur Laut, jelas bahawa trend jenayah menunjukkan peningkatan pada tahun 1990 - 1992 dan 1996 - 1998 dan menunjukkan pengurangan kes pada tahun 1993-1996 dan 1999-2003. Kadar jenayah tertinggi dicatatkan pada tahun 1992 dan 1998 dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 5639 kes dan 5429 kes. Sebagaimana yang

dijelaskan pada peringkat awal penulisan, selain daripada mengetengahkan trend jenayah negeri dan daerah, faktor penyebab mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah, taburan jenis jenayah harta benda dan cadangan langkah pencegahan jenayah harta benda di Daerah Timur Laut juga diketengahkan dalam kertas kerja ini.

### **Persepsi Masyarakat Terhadap Kaitan Pelakuan Jenayah dan Perbandaran di Daerah Timur Laut Pulau Pinang**

Dalam membincangkan hubungkait di antara pelakuan jenayah dengan kepesatan perbandaran di Daerah Timur Laut Pulau Pinang, kajian persepsi penduduk dijalankan di empat kawasan perumahan iaitu Sungai Nibong, Jelutong, Jalan Patani dan Air Hitam. Bagi meneliti hubungkait ini, aspek sosial dan ekonomi dijadikan ukuran sejauhmana angkubah daipada kedua-dua aspek berkenaan mengalami perubahan dan seterusnya mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah. Namun demikian, sebagai ukuran kepada kepesatan perbandaran yang berlaku di Daerah Timur Laut, kajian memberi penumpuan kepada perubahan sosial dan perubahan ekonomi kerana setiap perubahan yang berlaku ke atas sosial dan ekonomi memberikan impak, sama ada positif atau negatif. Namun, bagi meneliti perkaitan di antara pelakuan jenayah dengan kepesatan perbandaran, penumpuan adalah ke atas impak negatif. Kebanyakan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pelakuan jenayah sama ada jenayah harta benda atau jenayah kekerasan mempunyai perkaitan dengan dengan impak ekonomi seperti peningkatan pengangguran, peningkatan kos sara hidup, kemiskinan hidup, status pendapatan yang rendah dan jurang perbezaan kekayaan di kalangan masyarakat. Selain daripada impak negatif daripada perubahan ekonomi, perubahan sosial seperti kepesatan perbandaran, hubungan keluarga yang renggang, hubungan kejiranan yang renggang, peningkatan penghijrahan penduduk ke bandar dan status pendidikan yang rendah. Peratusan persepsi responden terhadap impak perubahan aspek ekonomi dan sosial kesan daripada kepesatan perbandaran dalam mempengaruhi pelakuan jenayah harta benda di Daerah Timur Laut juga dijelaskan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, secara keseluruhannya dapatan menunjukkan bahawa perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku kesan daripada kepesatan perbandaran mempunyai perkaitan dengan peningkatan pelakuan jenayah harta benda di Daerah Timur. Selain daripada itu, didapati perbandaran merupakan salah satu faktor penyumbang kepada mempengaruhi peningkatan pelakuan

jenayah harta benda di daerah ini, didapati daripada 236 orang responden yang terlibat dalam kajian, 157 orang (66.5%) bersetuju berbanding hanya 79 orang (33.5%) tidak bersetuju. Berdasarkan kajian ke atas faktor yang mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda di Daerah Timur Laut, terdapat beberapa faktor utama yang boleh diketengahkan dan perlu diberi perhatian teliti dalam mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda di Pulau Pinang khususnya di Daerah Timur Laut;

- 1). **Pengangguran:** persepsi hasil kajian menunjukkan bahawa 83.5 peratus penduduk bandar di kawasan kajian bersetuju bahawa pengangguran sebagai faktor utama mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda. Penelitian pelakuan jenayah mengikut tiga peringkat umur iaitu 20-29 tahun, 30-39 tahun dan umur 40 tahun ke atas didapati 72.5 peratus pelakuan jenayah harta benda dilakukan oleh golongan pada peringkat umur antara 18-30 tahun dan 25.5 peratus melibatkan golongan pada umur 40 tahun ke atas. Pada dasarnya kegagalan penduduk pada kumpulan umur produktif ini diserapkan ke dalam sektor pekerjaan merupakan punca kepada peningkatan pelakuan jenayah harta benda kerana golongan ini merupakan golongan yang teramai mengalami masalah pengangguran. Banyak kajian menunjukkan kekuatan hubungan pengangguran dengan pelakuan jenayah seperti Becker, 1995; Stephen Rapheal dan Rudolf Winter, 1998; Witte dan Witt, 2001; Anna Nilsson dan Jonas Agell, Danial Y.Lee dan Hansen, 2003. Oleh kerana ekonomi negara berasaskan ekonomi liberal dan kapitalis, ianya cenderung menerima kesan masalah ekonomi dunia. Kemelesetan kewangan pada tahun 1996-1998 bukan sekadar memberi kesan kepada kejatuhan nilai mata wang dan nilai saham, tetapi turut menyebabkan penduduk hilang pekerjaan akibat pemberhentian pekerja. Menurut perangkaan, berlakunya peningkatan kadar pengangguran iaitu daripada 2.5 peratus pada tahun 1996 kepada 2.6 peratus pada tahun 1997 dan seterusnya meningkat kepada 3.2 peratus pada tahun 1998 (Malaysia, 1999b; Laporan Ekonomi, 1999/2000; MAPEN II, 2001). Semasa krisis, kadar indeks jenayah harta benda Daerah Timur Laut mengalami peningkatan masing-masing sebanyak 40.9 peratus dan 46.4 peratus bagi tempoh 1996-1997. Ini disebabkan keperluan hidup yang mendesak di bandar menyebabkan seseorang melakukan kegiatan jenayah seperti merompak, peras ugut atau membunuh.

- 2). **Peningkatan kos sara hidup:** merupakan faktor kedua mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda iaitu 67.4 peratus bersetuju. Kepesatan perbandaran membawa pelbagai perubahan dan kemajuan ke atas sesebuah negara atau wilayah seperti peningkatan taraf hidup penduduk kesan daripada perubahan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Namun demikian, pada masa yang sama perbandaran yang begitu pesat akan menimbulkan kesan ke atas peningkatan kos sara hidup di bandar yang merupakan suatu masalah yang terpaksa dihadapi dan tidak dapat dielakkan serta membebankan masyarakat bandar. Peningkatan kos sara hidup turut memberi kesan kepada kemerosotan taraf sosial keluarga. Hal ini memaksa kedua ibu bapa bekerja bagi menampung kos perbelanjaan yang semakin meningkat di bandar sehingga kurangnya perhatian kepada anak yang akhirnya memudahkan anak-anak terdedah kepada gejala sosial. Situasi ini akan meningkatkan pelakuan jenayah di kalangan generasi muda. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Lee (1993), Machin dan Meghir (1998), Hansen dan Machin (2000), Gould *et al* (2002) (Hansen, 2003), yang mana dapatan kajian mendapati ketidakseimbangan dan tahap pendapatan yang rendah mempunyai kaitan dengan pelakuan jenayah.
- 3). **Perbandaran:** menurut ahli-ahli perancang sosial, ekonomi dan sosiologi, proses perbandaran jika dikawal serta dirancang dengan baik dapat membantu ke arah tercapainya matlamat pembangunan negara. Namun demikian, seiring dengan kepesatan perbandaran, wujud pelbagai masalah di bandar seperti pelakuan jenayah. Penumpuan pembangunan sosial dan ekonomi di bandar menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan pembangunan di antara wilayah (Katiman, 1988; Morshidi, 1993). Natijahnya, timbulnya masalah penghijrahan penduduk dari kawasan sekitar bandar atau dari luar bandar ke bandar. Penghijrahan penduduk ke bandar bukan sekadar mengurangkan bilangan penduduk di luar bandar, tetapi meningkatkan jumlah penduduk bandar melalui peningkatan kadar kelahiran. Hal ini kerana kebanyakan daripada penghijrah adalah terdiri daripada golongan yang produktif dari segi kesuburan. Situasi ini akan memberi tekanan ke atas kapasiti penyerapan gunatenaga, kesesakan serta persaingan kemudahan asas di bandar (Rahmah, 2003). Selain daripada itu, kebanyakan yang berhijrah adalah golongan miskin dan menganggur. Desakan hidup serta ketidakmampuan memenuhi matlamat keperluan hidup menyebabkan golongan ini terlibat dalam kegiatan jenayah (Katiman, 1988). Merujuk

kepada kes Daerah Timur Laut pada tahun 2000, 100 peratus penduduk adalah tinggal di bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000b). Peningkatan penduduk di Daerah Timur Laut menjadikan daerah ini di antara yang mengalami kepadatan penduduk tertinggi pada tahun 2000 iaitu sebanyak 34 peratus berbanding daerah lain iaitu sebanyak 13 peratus di Daerah Barat Daya, 19 peratus di Daerah Seberang Perai Utara, 24 peratus di Daerah Seberang Perai Tengah dan 9.5 peratus di Daerah Seberang Perai Selatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000b). Oleh yang demikian, penumpuan penduduk di kawasan Timur Laut bukan sekadar menjadikan daerah ini padat penduduk, tetapi telah menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti pelakuan jenayah. Kajian di Daerah Timur Laut, mendapati kepesatan perbandaran merupakan salah satu faktor penyumbang kepada mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda iaitu 66.5 peratus responden bersetuju. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Clinard dan Abbot, 1973; Clark, 1982; Mays, 1968; McIlwaine, 1999; Pacione, 2001; Pallen, 2002; Walmsley, 1988; Gold, 2002; Pokhariyal, 2003; Rogers, 1989 dan Christopher, 2005.

- 4). **Hubungan keluarga dan kejiranan yang renggang di kalangan penduduk bandar, status pendidikan yang rendah, kemiskinan dan pendapatan yang rendah, penghijrahan penduduk ke bandar dan jurang perbezaan kekayaan;** merupakan faktor yang kurang dominan dalam mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah di kawasan kajian iaitu masing-masing sebanyak 66.1 peratus, 65.7 peratus, 63.6 peratus, 59.7 peratus, 56.8 peratus, 55.9 peratus dan 50.0 peratus responden setuju
- 5). Selain daripada faktor-faktor kesan perubahan ekonomi dan sosial, berdasarkan pemerhatian dan temubual, didapati terdapat juga beberapa faktor-faktor lain yang tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi dan menyumbang kepada peningkatan pelakuan jenayah harta benda di Daerah Timur Laut iaitu seperti Peningkatan golongan penagih dadah, penghayatan terhadap ajaran agama yang kurang dalam diri seseorang individu, ketidakberkesanan penguatkuasaan hukuman, pengaruh media massa, inginkan kesenangan hidup dengan mudah, kurang kesedaran di kalangan penduduk (tidak memasang alat pencegahan keselamatan jenayah di kediaman (pintu jeriji besi), sikap cuai, lalai, tidak berhati-hati, tidak waspada, mempercayai orang yang baru dikenali, kurang kesedaran terhadap aspek pengaduan kejadian jenayah yang berlaku, sikap penduduk perumahan yang terlalu individualistik, tidak mementingkan

hidup bermasyarakat atau kurangnya hubungan kejiwaan di kalangan penduduk kawasan perumahan, faktor persekitaran seperti pencahayaan yang kurang, lorong yang sempit dan sesak di kediaman serta pertumbuhan pembangunan yang terlalu pesat berbanding pertambahan anggota polis menyebabkan kurangnya pengawasan, kawalan keselamatan dan rondaan dilakukan pada waktu malam hari di kawasan perumahan flat oleh pihak polis. Faktor ini secara tidak langsung juga mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah di Daerah Timur Laut. Sehubungan dengan perbincangan faktor yang mempengaruhi peningkatan pelakuan jenayah harta benda di Daerah Timur Laut, jelas menunjukkan bahawa kesan perubahan ekonomi seperti pengangguran dan peningkatan kos sara hidup merupakan faktor yang lebih utama dalam mempengaruhi pelakuan jenayah harta benda berbanding kepesatan perbandaran sendiri dan kesan sosial seperti kemiskinan hidup, peningkatan penghijrahan penduduk dan jurang perbezaan kekayaan di kalangan masyarakat di samping faktor-faktor lain.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan adalah jelas bahawa pelakuan jenayah di Daerah Timur Laut, secara keseluruhan adalah jelas menunjukkan bahawa pelakuan jenayah harta benda mempunyai hubungkait dengan kepesatan perbandaran dan faktor-faktor lain juga tidak kurang pentingnya menyumbang ke atas peningkatan pelakuan jenayah. Selain itu dapat ditunjukkan kajian geografi merangkumi skop kajian yang luas sehingga berjaya menyediakan suatu kajian persepsi pelakuan jenayah dan perbandaran secara rungan dengan jelas.

## Rujukan

- Alain, J.R.A. (1999). *Urban Development and New Town in The Third World*. England: Ashgate Publishing Ltd.
- Ambe, N. J. (2003). "Urbanization and Development in Sub-Saharan Africa". *Cities*. Vol. 20, 167-174.
- Clark, D. (1982). *Urban Geography : An Introduction Guide*. Croom Helm.
- Gold, H. (2002). *Urban Life and Society*. New Jersey: Prentice Hall.
- Harries, K. D. (1974). *The Geography of Crime and Justice*. New York: McGraw Hill.
- Herbert, D.T. (1982). *The Geography of Urban Crime*. USA:Longman.
- Hansen, K. (2003). "Education and The Crime-Age Profile". *British Journal Criminology*.Vol 43, 141-168.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2000a). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia: Taburan Penduduk Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim* Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_ (2002b). *Laporan Perangkaan Alam Sekitar Malaysia, 2002*. Kuala Lumpur.
- Kamaruddin, N. (1993). *Peraturan dan Kawalan Gunatanah Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Katiman, R. (1988). *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Knox, P. L. (1994). *Urbanization An Introduction to Urban Geography*. New Jersey: Prentice Hall
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (1998). *Persidangan Pulau Pinang: Bandar Sejahtera*. Pulau Pinang.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (1998). *Laporan Ekonomi 1998/1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- \_\_\_\_\_. (1999). *Laporan Ekonomi 1999/2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Maimunah, I. (1992). *Pengembangan: Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Malaysia. (1981). *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. (1991). *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. (1995). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. (1999a). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. (1999b). *Kertas Perintah Enam: Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua. (2001). *Laporan Dasar Pembangunan Wawasan 2001-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Berhad.
- Morshidi, S. (1993). *Ketidakseimbangan Ruangan di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan Teori Berkaitan dan Respons Kerajaan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- McIlwaine, C. (1999). "Geography and Development: Violence and Crime as Development Issues". *Progress in Human Geography*. Vol. 23 (3), 453-463.
- Mohd Reduan, A. (1990). *Jenayah di Malaysia : Aliran, Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Pacione, M. (1983). *Progress in Urban Geography*. New Jersey: Barnes and Noble Books.
- \_\_\_\_\_. (2001). *Urban Geography : A Global Perspective*. London: Routledge.
- Pallen, J. J. (2002). *The Urban World, 6<sup>th</sup> ed*. New York: McGraw Hill.
- Pokhariyal, G.P and Muthuri, Rose K. (2003). "Strategic Measures To Curb Crime Rates in Nairobi". *International Journal on World Peace*. Vol.xx (1), 55-69.
- Polis Diraja Malaysia. (2004a). Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Pulau Pinang.
- \_\_\_\_\_. (2004b). Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang.
- Rahmah, I. (2003). *Ekonomi Pembangunan Isu Sumber Manusia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rogers, J. (1989). "Theories of Crime and Development: An Historical Perspective". *Journal Develop Studies*, 3, 314-328.

- Siegel, L. J (2002). *Criminology The Core*. USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Veysey, B. M. and Messner, S.F. (1999). "Further Testing of Social Disorganization Theory: An Elaboration of Sampson and Groves "Community Structure and Crime". *Journal of Research in Crime and Delinquency*. Vol. 36 (2), 156-174.
- Walmsley, D. J. (1988). *Urban Living : The Individual in The City*. United Kingdom: Longman Scientific and Technical.
- Walmsley, D.J. and Lewis, G.J. (1993). *People and Environment: Behavioural Approaches in Human Geography*. United Kingdom: Longman Scientific and Technical.

### **Rujukan Akhbar**

- Berita Harian (10 November 1989). *Meskipun Kes Jenayah Semakin Berkurangan*.
- Berita Harian (13 Januari 2004). *Tekanan Antara Punca Jenayah Kejam Meningkat*.
- Mingguan Malaysia (5 Mei 2002). *Bilangan Kes Jenayah Kian Bertambah dan Menakutkan*.
- Utusan Malaysia (25 Mac 1995). *Kadar Jenayah Turun 4.8 Peratus*
- Utusan Malaysia (5 Januari 2001). *Jenayah Harta Benda Tertinggi di Pulau Pinang*.
- Utusan Malaysia (19 Januari 2001). *Kadar Jenayah di Malaysia Terendah*.
- Utusan Malaysia (4 Januari.2003). *Kadar Indeks Jenayah Menurun 1.6 Peratus di Pulau Pinang*.
- .